KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	03/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	44
JABATAN	:	UMUM			

HM 3.12.2021.44

Orang Asli terima sumbangan tenaga solar



BELIA Impact Youth gigih melaksanakan kerja pemasangan teknologi solar.

Masalah akses kepada bekalan elektrik dikatakan bukan isu kritikal di negara ini memandangkan peratusan kawasan yang mendapat akses ini sangat tinggi dengan taburan 99.7 peratus di Semenanjung, 77 peratus di Sabah dan 67 peratus di Sarawak.

Hanya sekelompok kecil membabitkan golongan yang tinggal kawasan pendalaman tidak mendapat akses itu. Hal ini mendapat perhatian Impact Malaysia iaitu satu pertubuhan di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan dengan mewujudkan inisiatif Sinar Solar.

Inisiatif Sinar Solar ialah akses kepada tenaga solar oleh komuniti pedalaman dengan dorongan gerakan belia terutama komuniti belia Orang Asli suku Temuan dari RPS Bilut, Raub, Pahang bersama perusahaan sosial, Suncrox Solar.

Seramai 21 sukarelawan menyertai program ini yang menyasarkan infrastruktur itu kepada 16 isi rumah Orang Asli di Kampung Orang Asli Bukit Telaga, di samping melatih penerima memanfaat cara-cara menyelenggara dan mengembangkan akses elektrik secara kendiri.

Menurut sukarelawan Kelab Impact Youth cawangan Bilut, Azmani Nurdin, penyertaannya dalam program itu satu pengalaman bermakna apabila dapat membantu golongan pedalaman memiliki akses bekalan elektrik.

"Kami seronok dan berbesar hati dapat menyumbang kepada masyarakat menerusi program Sinar Solar.

"Secara peribadi banyak juga kebaikan diperoleh menerusi program terbabit terutama ilmu baharu seperti pemasangan tenaga solar yang juga dapat membekalkan tenaga elektrik kepada komuniti.

"Ini dapat memberi aspirasi peranan belia seperti saya dalam gerak kerja sukarelawan dan terus menabur bakti kepada masyarakat," katanya.

Bagi Ketua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JKKKOA) Bukit Telaga Ah Sai pula, kemudahan tenaga solar dapat membantu memudahkan urusan penduduk kampung.

"Kami mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan bantuan dari pihak Impact Malaysia. Teknologi solar memudahkan penduduk kampung saya untuk membuat aktiviti malam dan menjimatkan kos diesel digunakan untuk generator elektrik," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Impact Malaysia, Ahmed Faris Amir berharap lebih banyak syarikat korporat, organisasi bukan kerajaan dan penderma memberi bantuan bersasar seperti kelompok sukarelawan atau ejen perubahan belia (changemakers) Impact Youth yang terbabit. Ini sebagai usaha merintis belia menjadi pemimpin kepada perubahan sosial.

"Pengukuran impak sangat penting untuk mengenal pasti tahap kemampanan sesebuah projek dan kesannya kepada penerima manfaat serta alam sekitar.

"Changemakers pada program ini ini akan kembali semula untuk membuat lawatan pengukuran impak selepas tiga bulan. Hanya 0.3 peratus lagi kawasan yang